



## **KENYATAAN MEDIA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN GALAKKAN PENGLIBATAN AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA TINGKATKAN PENABUNGAN SSPN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) kerana memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sebagai hadiah bagi Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan 2019.
2. PTPTN turut menghargai usaha My-Sutera Sdn Bhd, pengeluar barangan kelengkapan sekolah jenama Canggih terkemuka di negara ini kerana turut memilih SSPN-i sebagai sumbangan zakat perniagaannya bagi membantu golongan asnaf.

#### **(ANUGERAH KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN)**

3. Kerajaan Negeri Kelantan melalui YIK telah memberi hadiah kepada **592 orang pelajar** cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan tahun 2019. Setiap pelajar akan menerima **hadiah wang tunai sebanyak RM500 seorang yang dikreditkan terus ke akaun SSPN-i**. Jumlah keseluruhan sumbangan hadiah adalah sebanyak **RM296,000.00**.
4. PTPTN mengucapkan **tahniah kepada semua penerima atas kejayaan cemerlang dalam pelajaran** dan diharapkan hadiah berupa akaun SSPN-i ini memberikan manfaat kepada para pelajar untuk masa depan pendidikan mereka di samping menikmati keistimewaan SSPN-i.

#### **(SUMBANGAN ZAKAT PERNIAGAAN)**

5. PTPTN turut menerima **sumbangan zakat perniagaan berjumlah RM30,000 daripada My-Sutera Sdn Bhd** iaitu inisiatif menerusi kerjasama strategik yang terjalin antara kedua-dua pihak. Sumbangan zakat perniagaan ini akan diberikan dalam bentuk akaun SSPN-i kepada golongan asnaf.

6. Melalui kolaborasi yang dimeterai, kedua-dua pihak juga akan mewujudkan dan meningkatkan hubungan dalam aspek pembangunan modal insan, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan pembudayaan simpanan pendidikan.

**(GALAKAN PENGLIBATAN AGENSI AWAM DAN SWASTA)**

7. Usaha Kerajaan Negeri Kelantan melalui YIK dan My-Sutera Sdn Bhd **wajar dipuji dan dijadikan contoh ikutan kepada agensi kerajaan dan swasta yang lain.** Tahiah diucapkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan YIK serta My-Sutera Sdn Bhd.

8. PTPTN amat **mengalu-alukan dan menggalakkan Kerajaan Negeri, kementerian, agensi kerajaan dan swasta mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menjadikan SSPN sebagai pilihan utama bagi pemberian hadiah atau insentif dalam program yang dianjurkan.** Ini kerana SSPN adalah produk simpanan pendidikan yang mempunyai **pelbagai keistimewaan dan manfaat yang besar** kepada para pendeposit. Antara keistimewaan yang bakal diterima oleh pendeposit adalah **geran sepadan secara percuma sehingga RM10,000** sekiranya anak-anak mendaftar masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT), perlindungan **takaful, dividen** yang kompetitif, **pelepasan taksiran cukai** ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun dan banyak lagi.

9. Semoga sokongan daripada semua pihak dapat **membantu memperkasakan amalan penabungan untuk pendidikan tinggi di kalangan masyarakat Malaysia dan tidak hanya bergantung kepada pinjaman pendidikan semata-mata.**